

Biasiswa sains tulen

Kementerian Pengajian Tinggi tawar pembiayaan RM9.5j kepada 200 pelajar cemerlang

>>Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperkenalkan biasiswa baru, program MyBrainSc dalam usaha memastikan negara mempunyai bekalan tenaga akademik mencukupi dalam bidang sains tulen memabitkan fizik, kimia, biologi dan matematik.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, biasiswa berkenaan menggantikan program Biasiswa Khas Tenaga Akademik (BKTA) dan akan ditawarkan kepada pelajar cemerlang mulai tahun depan.

Katanya, program memabitkan peruntukan RM9.5 juta itu akan membiayai 200



FOTO | Izhar Ariffin

AMBIL TAHU
...Mohamed Khaled (kanan) berkata sesuatu kepada pelajar, Mohd Faiz Naim Hassan selepas menyerahkan Sijil Pelepasan Pembayaran Kelas Pertama di Putrajaya, semalam.

pelajar terpilih, termasuk 50 pelajar luar negara.

"Biasiswa ini dibuka kepada pelajar cemerlang lepasan asasi, matrikulasi, program persediaan, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

dan lepasan diploma.

"Malah, ia juga diberi kepada pelajar ijazah pertama cemerlang dalam bidang sains tulen mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif 3.75 dan ke atas serta yang sedang

mengikuti pengajian ijazah doktor falsafah (PhD) dalam negara atau universiti terkemuka dunia," katanya pada sidang media sempena Majlis Perhimpunan Bulanan KPT, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab Rahim Md Noor.

Pada majlis itu, seramai 10 pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama diberi pelepasan membayar semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan 10 pelajar lagi menerima pelarasan kos pentadbiran daripada tiga peratus kepada satu peratus ujah.

Mohamed Khaled berkata, program berkenaan memberi peluang kepada pelajar cemerlang dalam bidang sains tulen menjadi tenaga akademik.

Katanya, ia tidak sama dengan biasiswa sedia ada seperti ditawarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang memberi tumpuan dalam bidang tertentu saja.